

08 FEB 2000

Syed Hamid-Gusmao (Bergambar)

GUSMAO MINTA SOKONGAN M'SIA UTK HADIRI MESYUARAT ASEAN

KUALA LUMPUR, 8 Feb (Bernama) -- Pemimpin kemerdekaan Timor Timur Xanana Gusmao telah meminta sokongan Malaysia bagi membolehkan beliau menghadiri mesyuarat pemimpin negara Asean, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

"Kehadirannya, sama ada sebagai pemerhati atau dalam bentuk lain, bertujuan membiasakan diri dan memahami pengurusan dan perjalanan Asean.

"Ia juga bagi membolehkannya mengenali lebih dekat ahli-ahli pertubuhan serantau itu," kata Syed Hamid kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Gusmao yang sedang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara ini mulai semalam.

Lawatan itu adalah sebahagian daripada lawatannya ke negara-negara Asia bagi mendapatkan sokongan dalam pembangunan semula wilayah yang musnah itu.

Gusmao, Presiden Majlis Kebangsaan Penentangan Rakyat Timor (CNRT) dan dijangka menjadi presiden pertama wilayah itu, diiringi oleh pemenang hadiah Nobel Jose Ramos-Horta.

Syed Hamid berkata Malaysia akan membincangkan perkara itu dengan rakan-rakannya dalam Asean.

"Dia ada minta untuk menghadiri, jadi kita kena buat keputusan, status dia, kehadiran dia, itu akan kita timbangkan dalam masa yang sesuai," katanya.

Ketika menjawab soalan, Syed Hamid berkata isu penerimaan Timor Timur dalam Asean belum timbul pada peringkat ini memandangkan Gusmao dijangka memerlukan sekurang-kurangnya dua tahun untuk membentuk kerajaan di wilayah itu.

"Soal keanggotaan tidak berbangkit sekarang, tapi dia nak biasakan diri dia dalam proses Asean," katanya.

Syed Hamid juga berkata pemimpin itu yang kagum dengan pencapaian Malaysia telah meminta negara ini membantu mereka membangunkan wilayah itu menggunakan contoh dan pengalaman yang ada pada Malaysia.

"Mereka minta kita bantu dalam bidang latihan pengurusan, bidang diplomasi, bidang teknikal dan juga minta kita tambah kakitangan kita dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bertugas di sana dalam semua bidang.

"Ini kerana mereka kata orang kita bukan saja berkemampuan tetapi juga memahami suasana di Timor Timur," katanya.

Syed Hamid berkata beliau telah bersetuju untuk menghantar seorang pegawai kanan kementerian itu ke Dili, ibu negara wilayah itu, bertujuan melatih ahli diplomat negara itu dalam bidang protokol dan kaunseling.

Gusmao dijadualkan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Putrajaya hari ini.

-- BERNAMA

NM NMO